

# Gula: Langkah baru dikaji

Bahan asal dari Ar kib  
Negara Malaysia

## Tiga pilihan atasi krisis secepat mungkin

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kerajaan sedang mengkaji sekurang-kurangnya tiga pilihan untuk mengatasi krisis gula yang kian memuncak di negara ini sekarang.

Pilihan tersebut:

- Menghad stok bagi kegunaan industri kepada 10 hari sahaja.
- Kini ia tidak dihadkan langsung.
- Memperketatkan pengedaran gula dari kilang ke pemborong dan ke peruncit di samping mengadakan catuan gula di seluruh negara.

Dalam perkara ini Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung serta orang ramai diminta berkerjasama dalam perlaksanaannya.

● Menimbangkan kemungkinan menaikan harga supaya selari dengan negara-negara liran seperti Thailand dan Singapura yang menjual gula dengan harga sekurang-kurang 85 sen sekati berbanding dengan Malaysia 75 sen sekati.

Sumber-sumber yang rapat dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberitahu, pilihan-pilihan tersebut akan dikaji secara terperinci oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebelum diputus dan dilaksanakan dengan segera.

Pemangku Perdana Menteri itu dijangka akan mengumumkan langkah-langkah positif mengatasi krisis gula sekarang ini kepada pengarang-pengarang akhbar dan RTM dalam satu taklimat lalin ini.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah gula di negara ini termasuk kemungkinan membuat catuan atau menggunakan kupon di samping memperketatkan kawalan menegah penyeludupan gula.

Petang ini pegawai-pegawai yang terlibat dalam menganalisa suasana kekurangan di negara ini telah mengemukakan pilihan berkenaan kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon.

### Diseludup

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha, Tan Sri Nasruddin bin Mohamad dan Setiausaha Parlimen, Encik Rahim Datuk Thamby Chik.

Sumber tersebut menegaskan, jika pilihan itu diterima esok, pihak Kementerian akan melaksanakan langkah berkenaan secepat mungkin.

Ini, katanya, sebagai usaha untuk mengatasi krisis gula yang semakin serius.

Di samping itu juga, Kerajaan juga mengkaji teori-teori yang menyebut gula yang diseludupkan ke Thailand untuk disembunyikan sementara waktu bagi memaksa Kerajaan menaikan harga gula di negara ini.

Malaysia dianggarkan memerlukan sejumlah 520,000 tan gula bertapis tahun ini tetapi bekalan bagi lapan bulan pertama hanya 520,000 tan sahaja.

No. Stri 11501  
No. Penerbitan 3214/87